



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 2 OGOS 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	BEKALAN HAIWAN IBADAT KORBAN LEBIH PERMINTAAN, NASIONAL, BH -14 AGRICULTURE MINISTER: AGENCY FOR RUMINANT ANIMALS TO BE SET UP NEXT YEAR, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3. 4.	PELANCONG BAWA MASUK AYAM SALAI DITAHAN, SINAR NEGERI SELATAN, SH -35 MAQIS RAMPAS 45 KILOGRAM BULU EKOR BURUNG MERAH, DALAM NEGERI, UM -22	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	LEBAH KELULUT BERPOTENSI DALAM BIDANG PERTANIAN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6. 7. 8. 9. 10.	LARANGAN GUNA JARING, JALA, SENTRAL, BH -50 'PORT HANTU DURIAN', SANTAI, HM -61 SEKINCHAN TAWAR PERCUTIAN LENGKAP, SANTAI, HM -60 PARAMESWARA TO MAKE MELAKA DURIAN FAMOUS, NATION, THE STAR -10 COLLABORATE TO TURN STINGLESS BEE FARMING INTO MONEYMAKER – SHAFIE, HOME, BORNEO POST -1	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Bekalan haiwan ibadat korban lebih permintaan

Jumlah berdasar perangkaan semasa lembu tempatan, import 3 bulan sebelum perayaan

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Bekalan lembu, kerbau dan kambing untuk ibadat korban sempena Aidiladha hujung minggu depan bukan sahaja mencukupi, malah melebihi permintaan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata jumlah itu berdasarkan perangkaan bekalan semasa lembu tempatan dan lembu diimport dalam tempoh tiga bulan sebelum perayaan.

"Selain bekalan tempatan, lembu turut diimport dari Thailand dan Australia, manakala kam-

bing dan biri-biri diimport dari Australia," katanya kepada media selepas Dialog Industri Ruminan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Sim Tze Tzin serta Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

Mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), bekalan lembu sehingga Jun lalu adalah 48,048 ekor; manakala kambing dan biri-biri sebanyak 35,940 ekor.

Selepas mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah penyembelihan, dianggarkan permintaan lembu dan kerbau untuk ibadat korban tahun ini ialah 43,808 ekor; manakala kambing serta biri-biri pula sebanyak 21,852 ekor.

Seramai 317 pegawai JPV ditugaskan membuat pemeriksaan veterinar di seluruh negara bermula 10 hingga 14 Ogos.

Salahuddin berkata, sebanyak 28 rumah penyembelihan JPV di seluruh negara sedia beroperasi termasuk 12 daripadanya memenuhi syarat Export Supply Chain



**Selain bekalan tempatan, lembu turut diimport dari Thailand dan Australia, manakala kambing dan biri-biri diimport dari Australia.**

Salahuddin Ayub,  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Assurance System (ESCAS) bagi tujuan penyembelihan ternakan dari Australia.

Sehingga tahun ini, katanya, JPV turut mengeluarkan lesen kepada 44 rumah penyembelihan ruminan swasta di seluruh negara bagi penyembelihan ternakan korban.

Beliau menasihatkan mereka yang mahu melakukan penyembelihan di luar rumah penyembelihan seperti masjid, sekolah, taman perumahan dan tempat awam, mendapatkan permit JPV.

"Dokumen wajib perlu dikemukakan bagi setiap permohonan penyembelihan ternakan untuk korban adalah Akuan Kebenaran Pindah Ternakan dan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV), iaitu garis panduan penyembelihan ternakan korban.

"Ia mengambil kira aspek keselamatan makanan dan undang-undang, peraturan mengenai pemantauan ternakan korban, premis dan operasi penyembelihan serta pengurusan sisa ternakan bagi mengelak risiko jangkitan penyakit zoonotik," katanya.

Headline	Agriculture Minister: Agency for ruminant animals to be set up next year		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	02 Aug 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	410 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,471



## 农长：寻求国会通过 明年设反刍动物业局

(布城 1 日讯) 农业及农基工业部将于明年初成立反刍动物业局，全力发展国内畜牧业。

部长沙拉胡丁说，该部已完成征求利益相关者意见的程序，接下来会向国会提呈相关修正法案，国会通过后才可成立反刍动物业局。

他表示，农业部刻在探讨及鉴定国内及全球反刍动物业所面临的挑战，并将拟定策略和新行动计划，希望在未来 5 年把牛肉的自给自足率提高至 30%，新鲜牛奶的自给自足率则达到 100%。

沙拉胡丁今天在部门与约 300 名畜牧业举行对话会后在记者会上说，在提升畜牧业方

面，农业部首先专注于协助农民进行牛的交配繁殖，而不是单靠饲养进口牛，因为这种饲养方式无法提高牛肉自给自足。

他指出，农业部的新方向是确保国家粮食充足，减少依赖进口农产品。政府的策略包括提高饲养反刍动物次领域，希望在私人界参与下，让畜牧业趋向商业化。

### 稻米渔民领域露曙光

沙拉胡丁说，他一年多前入主农业部后，把重点聚焦在稻米及渔民领域，这两个领域已初露曙光。

“农业部接着要整顿反刍



沙拉胡丁与农民亲切交流。

动物业，希望推出行动计划后，能设立价值链方向，确保畜牧业有更光明的前途。”

在历时约 3 小时的对话会上，来自全国各地的畜牧业者踊跃发言及提供意见，多名参

与者也毫不留情批评农业部的策略在过去几十年一层不变，导致国家农业领域倒退 30 年，许多农民还在采用 30、40 年前的农业科技，农民继续过着贫穷的生活。



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SELATAN	35

## Pelancong bawa masuk ayam salai ditahan

KULAI - Seorang pelancong China berputih mata apabila ayam salai seberat 10 kilogram (kg) yang cuba dibawa masuk ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di balai ketibaan Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Khamis lalu.

Mengikut kenyataan dikeluarkan Maqis, ayam salai tersebut telah disita untuk tindakan lanjut kerana tidak memiliki Permit Import (IP).

"Kegagalan mematuhi peraturan import boleh dikenakan kompaun sehingga RM50,000.

"Perbuatan mengimport hasilan haiwan tanpa IP yang sah adalah menjadi



Anggota Maqis menunjukkan ayam salai yang disita dan ditahan.

satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 11(3), Akta yang sama, iaitu denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan

selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	22

# MAQIS rampas 45 kilogram bulu ekor burung merak

**SEPANG 10gos** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas sebanyak 45 kilogram (kg) bulu ekor burung merak atau nama saintifiknya *paro cristatus* yang cuba dibawa masuk ke negara ini tanpa dokumen yang sah.

Pengarah MAQIS Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, rampasan dibuat kira-kira pukul 2 pagi kelmarin di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA 2). Beliau berkata, pegawai penguat kuasa MAQIS memeriksa empat bagasi yang dibawa warganegara India dan mendapati sebanyak 45kg bulu ekor burung merak dianggarkan bernilai ribuan ringgit.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati bulu ekor burung merak yang dibawa penumpang tersebut tidak mempunyai Import Permit daripada Jabatan MAQIS, Sijil Kesihatan dan Sijil CITES dari negara asal.

"Bulu ekor burung merak tersebut merupakan barangan terkawal di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Terancam Fauna dan Flora Liar (CITES) bertujuan



**PEGAWAI** penguatkuasa MAQIS menunjukkan bulu ekor burung merak yang dirampas di KLIA2, Sepang, kelmarin. - IHSAN MAQIS

mencegah penurunan spesies terancam atau berpotensi terancam dengan kepupusan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tarmisal berkata, perbuatan mengimport tanpa mempunyai suatu permit yang sah daripada MAQIS adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama. Jika

disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Akta 728 ini diguna pakai bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan mematuhi aspek kesihatan manusia serta dapat mengawal kemungkinan penyakit merbahaya yang boleh mengancam industri pertanian, perikanan dan haiwan," jelasnya.

Headline	Lebah kelulut berpotensi dalam bidang pertanian		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	02 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Lebah kelulut berpotensi dalam bidang pertanian

KOTA KINABALU: Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Haji Apdal berkata, Malaysia memerlukan sumber pendapatan alternatif baru untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Beliau berkata, salah satu projek yang berpotensi dalam bidang pert...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2019	BERITA HARIAN	SENTRAL	50

*Tingkatkan kelestarian sumber perikanan*

# Larangan guna jaring, jala

**Jasin:** Kerajaan Melaka melarang penggunaan jaring atau jala menangkap ikan khususnya lampam di sungai yang dikenal pasti dibangunkan sebagai perusahaan eko-pelelancongan berasaskan perikanan rekreasi di sekitar negeri ini.

EXCO Pertanian, Pembangunan Usahawan Koperasi dan Industri Asas Tani negeri, Norhizam Hassan Baktee berkata usaha itu bukan sahaja bagi memelihara, memulihara dan meningkatkan kelestarian sumber perikanan sedia ada di sungai negeri ini, malah mengelakkan pihak tidak bertanggungjawab memusnahkan stok ikan asli di perairan umum.

“Saya ada terima aduan mengenai jala, ada pihak membawa pulang ikan sungai sehingga 60 kilogram.

“Jadi, kerajaan negeri akan meminta Jabatan Perikanan supaya memasang papan tanda larangan



**Norhizam (kiri) dan melepaskan 60,000 benih ikan lampam di Sungai Chohong, semalam.** [Foto Nurul Fhatihah Zakinan /BH]

menjala, menggunakan perkakas elektrik, bahan letupan, racun, dan melepaskan ikan bukan asli seperti keli ke sungai bagi meningkatkan kesedaran kepentingan memelihara sumber ikan sungai, tetapi memancing kita benarkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *BH* selepas merasmikan program Pelepasan 60,000 Benih Ikan Lampam ke Perairan Sungai Cho-

hong, kali pertama tahun ini, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Perikanan negeri, Doreen Wee Siew Leen dan Pengerusi (MPKK) Kampung Chohong, Ahmad Omar Yunus.

MPKK turut akan dipertanggungjawab menjadi pemantau bagi mengesan jika berlaku sebarang aktiviti yang melanggar Kaedah-kedah Perikanan (Sungai) 1992 itu.



# 'PORT HANTU DURIAN'

4 lokasi pilihan  
 warga kota  
 untuk menikmati  
 raja buah

FOTO IHSAN FB DURIAN KING 'TIDE: SAY HENG DURIAN', DURIAN BB.COM.MY & CITY DURIAN SPECIALIST.



GERAI Say Heng Durian di USJ 14 popular dalam kalangan komuniti Subang Jaya dan luar.



CITY Durian Specialist popular dalam kalangan pelanggan di Jalan Alor.



PILIHAN pelbagai dalam satu dulang sampel Durian BB Park Jalan Insi.



TARIKAN peminat durian terutama cendol di Durian King, Taman Tun Dr Ismail.

## 1. DURIAN KING TAMAN TUN DR ISMAIL, KUALA LUMPUR

Destinasi ini sering dikunjungi peminat durian tempatan tetapi lebih istimewa apabila ia turut menjadi persembahan selebriti tempatan mahupun antarabangsa.

Kebanyakan durian terdapat di 'port' ini adalah dari ladang di Johor dan Pahang. Anda boleh pilih untuk di situ atau dihidangkan di rumah atau majlis istimewa kerana terdapat servis katering untuk korporat atau majlis persendirian.

Bagi mereka yang tidak gemar menikmati isi durian mentah pencuci mulut seperti cendol durian antara pilihan popular.

## 2. GERAI SAY HENG DURIAN DI USJ 14 SUBANG JAYA

Anda yang tinggal di sekitar Subang Jaya. Selangor reputasi gerai ini antara paling 'harum' sebagaimana harumnya aroma durian ditawarkan.

Dikatakan, jika rasa durian tidak setara dengan jumlah wang yang anda bayar atau seperti kualiti dijanjikan, buah baru ditawarkan untuk kepuasan anda.

## 3. DURIAN BB PARK JALAN INSI, KUALA LUMPUR

Jika sudah bosan dengan 'format' ambil sebiji durian dan bayar, kali ini ada pilihan lain buat peminat durian di Durian BB Park apabila mereka boleh rasa pelbagai jenis durian pada satu pinggan.

Jadi, pengunjung tidak hanya menikmati satu genre sebaliknya berlainan jenis dan tekstur yang berbeza pada pakej sajian dulang sampel.

Malah mereka juga turut menyediakan pilihan menu menerusi jenis durian mempunyai tekstur 'ringan dan lembut' hinggalah kepada tekstur lebih 'kick'.

## 4. CITY DURIAN SPECIALIST JALAN ALOR, BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR

Selain berpeluang menikmati durian segar terdapat pelbagai pencuci mulut atau manisan berasaskan durian boleh dinikmati di sini. Namun sebelum meninggalkan lokasi, jangan lupa merakam kenangan bersama ukiran durian.



# SEKINCHAN TAWAR PERCUTIAN LENGKAP

Miliki pemandangan hijau, sumber laut segar selain berhampiran ibu kota

Nurul Husna Mohamad  
nurul\_husna@hmetro.com.my

Mahu menjauhkan diri daripada kesibukan kota raya tetapi merancang percutian jangka masa pendek? Pekan kecil yang terletak 100 kilometer dari Kuala Lumpur antara pilihan menarik.

Pemandangan padi menghijau, perkampungan nelayan di pesisiran pantai mahupun kuala sungai pastinya mengundang pengunjung kota yang rindukan suasana desa.

Bonusnya mengenai pekan yang terletak dalam daerah Sabak Bernam, Selangor ini, pengalaman pemanduan sekitar satu jam hingga dua jam perjalanan memadai untuk pengembara solo seperti Nik Suzla Nik Hassan.

Kata gadis manis berusia 39 tahun ini yang juga aktivis alam sekitar menerusi sosial Interprise Kloth Malaysia Sdn Bhd yang ditubuhkan enam tahun lalu berpendapat percutian yang tidak dirancang itu membantu mengurangkan tekanan selepas penat dengan



SAWAH padi di Sekinchan.

rutin kesibukan kerjaya.

"Biasanya kalau ada kelapangan waktu yang panjang dan bajet untuk melancong, saya dan keluarga akan memilih destinasi luar negara sebagai lokasi percutian. Namun jika masa atau kewangan tidak mengizinkan, percutian dalam negara sudah cukup menarik bagi kami.

"Tetapi destinasi percutian kali ini iaitu Sekinchan menjadi pilihan disebabkan pekan terbabit hanya terletak sejam pemanduan daripada kediaman saya, Perating Jaya.

"Sebenarnya saya tidak pernah sempat ke Sekinchan dan

mengetahui keistimewaan pekan yang terkenal sebagai salah satu penyumbang utama pengeluaran padi di Malaysia apatah lagi ia kediaman Kilang Pemrosesan Padi sehinggalah ada muzium boleh dikunjungi.

"Bagi pengembaraan solo, saya beranggapan Sekinchan destinasi sesuai sebagai kunjungan percutian sehari itu," katanya.

Dalam kesibukan memenuhi jadual harian yang ketat selaku aktivis alam, katanya pemandangan Sekinchan menghijau apabila memiliki sawah padi yang terbentang luas benar-benar mengujakan lawatan pertamanya ke lokasi itu.

"Saya suka melihat persekitaran yang hijau dan udara yang nyaman.

Apabila dibesarkan di bandar, saya tidak biasa tengok sawah padi. Jadi sebaik tiba saja di lokasi ini memang saya betul-betul ambil peluang dengan melapangkan masa seorang diri menikmati keindahan pemandangan di sawah.

"Selain pemandangan sawah padi, saya turut membeli beras yang berkualiti tinggi dari pengeluar padi di sini," katanya.

Kata Nik Suzla, selain pengalaman melihat sawah secara langsung, perkampungan nelayan di Pantai Redang antara pengalaman mengasyikkan.

"Paling saya teruja ialah dapat beli hasil laut dengan murah dan segar dari jeti nelayan. Saya boleh anggarkan harga hasil laut saya beli secara langsung jauh lebih murah iaitu kira-kira 20 peratus lebih rendah berbanding di Kuala Lumpur.

"Saya turut mengambil kesempatan menikmati hidangan gerai makan setempat iaitu masakan ala Cina seperti Kam Heong Crab, Sweet Sour Lala dan bebola ikan dimasak segar dari rumah cukup sempurna dengan sajian minuman kelapa-segar di tepi laut," katanya.

Selain tarikan berkenaan Nik Suzla turut



MENIKMATI hidangan popular tempatan.



KEMERIAHAN Pantai Redang menjadi tumpuan pengunjung luar dan tempatan.

mengambil kesempatan menghargai keindahan kepelbagaian kaum, agama mahupun budaya Malaysia dengan melihat seni bina rumah ibadat pelbagai kaum di pekan terbabit.

Katanya seperti melawat pusat relik lain, rumah ibadat baik Hindu atau Buddha boleh dihargai menerusi pengamatan seni bina kerana itu mencerminkan kepercayaan masing-masing.



ALAM & pemandangan Sekinchan.



# Parameswara to make Melaka durian famous



Yummy treat: Norhizam tasting Melaka's Five Fingers – The Rock durian.

## The new durian species is grown in Jasin

By R.S.N. MURALI  
murali@thestar.com.my

**MELAKA:** Melaka is cultivating its own durian clone with one aim in mind – to make its fruit even more famous than the reigning Musang King.

The current name for Melaka's durian is Five Fingers – The Rock.

State Agriculture, Agro-based Industries, Entrepreneur Development and Cooperative Committee chairman Norhizam Hassan Baktee said the state government had suggested to Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to name Melaka's home-grown durian as "Parameswara".

"We have proposed to rename the clone by honouring Melaka's founder," he told reporters.

Norhizam said the new durian species was now being cultivated at Asahan in Jasin.

"Asahan is a rural area that was once linked to the Melaka Sultanate, so it is inappropriate to have an Orang Putih (Caucasian) name for a locally grown fruit.

"We prefer a name change to Durian Parameswara," he said.

Norhizam said the original name came

about as one needs to use five fingers to remove the succulent flesh from the husk.

"It's because of the five fingers – Dwayne 'The Rock' Johnson – got the credit," he said in jest, referring to the American actor.

He added that the original clone was technically known as D159 and was being farmed at a 5.2ha site.

"We are also looking at other clones and would name them after several historical figures of Melaka," he said, adding that the state government had also given priority to local farmers to cultivate species like Tracka, Kim Hong, Black Thorn, Udang Merah, XXO, D101, D24, D13 and Mas Johor.

He said durian was the most profit-making crop and Melaka would capitalise on China's demand for the King of Fruits.

"We are in the midst of devising a mechanism to improve logistical network to market the fruit overseas.

"Even the local demand for Melaka's durian kampung and D24 have increased significantly," he said.

In addition, Norhizam said Melaka would double its effort to promote durian by-products such as mooncakes, frozen pizza, bubble tea and coffee to foreign markets.



Headline	Collaborate to turn stingless bee farming into moneymaker - Shafie		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	02 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	323 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shalina R	AdValue	RM 1,801
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,403



Tangau signing the plaque to mark the launch of 2nd International Stingless Bee Conference and Workshop, yesterday.

## Collaborate to turn stingless bee farming into moneymaker – Shafie

By Shalina R

**KOTA KINABALU:** A solid holistic collaboration is needed to turn stingless bee farming into a moneymaker for a future high-income Malaysia status, said Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Shafie said stingless bee farming, introduced by Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) in 2004, is a new alternative species which is free from diseases and requires simple farm management practices that could be operated as a part-time job.

"Malaysia needs a new alternative source of income to achieve a targeted high-income nation status.

"One of the potential projects in agriculture is the stingless bee farming," said Shafie, whose speech was delivered by Deputy Chief

Minister and Trade and Industry Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, at the 2nd International Stingless Bee Conference and Workshop (ISBCW) 2019 at TH Hotel here yesterday.

"The demand for honey and other by-products and services from the stingless bee keeping activities are to be explored and connected in to the supply-chain concept of management. Stingless bee honey has been listed as a Malaysian super-food by MARDI and demand for it has increased, as people are more aware of its benefits.

"Currently, the government is finding ways to develop stingless bee farming and at the same time transform the agriculture sector through modernizing and commercializing the industry along with the whole supply and value chain," he added.

Shafie said, however, bee domestication, problems with

queen rearing, low honey production, inconsistency in quality and the high price of honey, dumping of adulterated honey on the local market, the lack of Malaysian honey standard, and no existing body or centre to monitor bee keeping development have become major challenges in the stingless bee industry.

"Therefore, a strong holistic collaboration between the government, private sectors, public and professionals are paramount to ensure the sustainability and profitability of stingless bee industry," added Shafie.

The ISBCW 2019, organized from July 31 to August 3, is jointly organized by the International Institute of Plantation Management (IIPM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), UiTM Sabah and Korporasi Pembangunan Desa (KPD) Sabah.